

**1MDB Taja 111 Imam Dan Pengerusi JKKK Tunaikan Haji - Najib Bernama
19 September , 2011**

PUTRAJAYA, 19 Sept (Bernama) -- Sebagai menghargai peranan dan sumbangan para imam dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), kerajaan hari ini menyampaikan surat tawaran kepada 111 imam dan pengerusi JKKK untuk menunaikan haji tahun ini.

Surat tawaran menunaikan Rukun Islam kelima tajaan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada 57 imam dan 54 pengerusi JKKK seluruh negara itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada majlis di Seri Perdana di sini. Najib turut menghulurkan sumbangan peribadi RM1,000 seorang kepada 111 bakal haji itu.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamad Ali Rustam dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Dalam ucapannya, Najib berkata langkah mengadakan program yang julung kali itu adalah kerana kerajaan sedar betapa besarnya peranan dan sumbangan para imam dan pengerusi JKKK yang juga merupakan ketua kampung kepada masyarakat.

"Saya berazam, sejak memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, saya akan melakukan yang sebaik-baiknya mengikut kemampuan kerajaan untuk terus membela kumpulan ini memartabatkan kedudukan serta kebajikan imam-imam dan ketua kampung.

"Program ini merupakan satu lagi cara atau kaedah bagi kerajaan untuk menghargai peranan imam dan ketua kampung di mana melalui program ini kita membiayai sepenuhnya kos mengerjakan haji bagi 111 imam dan ketua kampung," katanya.

Perdana Menteri berkata bakal-bakal haji yang terpilih itu merupakan mereka yang belum pernah menunaikan ibadah tersebut dan tarikh pemergian mereka ke Tanah Suci akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat.

Program menaja para imam, ketua kampung dan orang ramai yang layak dipertimbangkan untuk menunaikan fardu haji itu akan menjadi program tahunan 1MDB, katanya.

Beliau berkata program itu juga adalah bagi memberikan ganjaran yang setimpal kepada kumpulan berkenaan yang banyak berjasa kepada masyarakat dan agama.

Sebelum ini, katanya kerajaan juga telah memberikan pengiktirafan kepada golongan berkenaan dengan menaikkan elaun imam daripada RM450 kepada RM750 sebulan dan elaun pengerusi JKKK daripada RM450 kepada RM800 sebulan.

"Saya tidak dapat menerima apa jua alasan jika elaun imam dan ketua kampung di bawah paras kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614379>